

UGB 31-12 00210 BH813

bah

XEMAJUAN MATERIAL DIIMBANGI DENGAN PEMBANGUNAN ROHANI
MAHATHIR

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 8.30 MALAMINI)

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hasrat Inderajaan ialah untuk memastikan terdapat imbalan kemajuan material dengan pembangunan rohani serta mengekalkan nilai-nilai murni.

Katanya percubaan untuk mengasingkan orang Islam daripada proses pembangunan ke arah Wawasan 2020 kerana kononnya wawasan itu tertumpu hanya kepada kebendaan merupakan satu usaha untuk mengekalkan orang Islam dalam keadaan mundur dan daif.

+Selagi kita jahil dalam bidang-bidang pengetahuan yang terdapat di zaman ini, selagi itulah kemerdekaan kita mudah digugat dan kita terpaksa tunduk kepada kuasa asing,+ kata Perdana Menteri dalam perutusan Tahun Baru 1992 melalui RTM malam ini.

Sebab itu, ada bangsa yang dahulunya mundur, kemudian menjadi maju manakala ada pula bangsa yang dahulunya maju dan kemudian menjadi mundur, dan menurut Datuk Seri Dr Mahathir, jika diteliti, keadaan itu berlaku disebabkan oleh etika dan nilai-nilai yang diamalkan oleh mereka.

Katanya apabila etika yang baik yang diamalkan semasa maju digugurkan, lambat-laun bangsa itu akan mundur, sebaliknya, apabila etika mulia, diterapkan ke dalam budaya bangsa yang mundur, dalam jangka masa yang singkat bangsa itu akan maju dan begitu juga dengan kaum atau individu.
-- Lagi

♥31/12/16-14MST

U GB 31-12 00136 BH814

bah

Mahathir 2 Kuala Lumpur (Embargo)

+Oleh itu, Malaysia yang ditakrif negara membangun mampu mencapai taraf negara maju jika semua sanggup mengamalkan etika kerja dan sifat-sifat yang mulia,+ katanya.

Beliau berkata sementara etika kerja boleh menjayakan sesuatu bangsa dalam pekerjaan, keselamatan dan kestabilan negara juga memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya.

+Sesebuah negara atau masyarakat hanya akan selamat dan stabil jika rakyatnya mempunyai sifat-sifat kesederhanaan,+ katanya. -

Datuk Seri Dr Mahathir berkata bahawa dalam masyarakat berbilang kaum seperti Malaysia, sudah tentu ada pihak yang tidak puas hati dengan tuntutan pihak lain, dan dengan itu perselisihan fahaman akan berlaku.

+Namun demikian, kita ada sikap rasional serta perasaan bertanggungjawab dan bertimbang rasa, maka perbezaan pendapat tidak akan membawa rusuhan, sebaliknya akan wujud kesanggupan bertolak ansur,+ katanya.-- Lagi

♥31/12/16-14MST

U GB 31-12 00152 BH815

bah

Mahathir 3 (akhir) Kuala Lumpur (Embargo)

Dr Mahathir berkata Wawasan 2020 bertujuan mengimbangkan pembangunan material dengan pembangunan rohaniah seperti yang dikehendaki oleh agama Islam.

+Jika pada tahun 2020 kebolehan dan taraf hidup orang Islam di Malaysia di tahap sekarang, dikhuatiri iman mereka akan tergugat,+ kata beliau.

Kerajaan, katanya, sedia menerima teguran dan sanggup bertindak mengikut pendapat yang bernas dalam usahanya untuk menjayakan wawasan itu dan apa yang telah dilakukan oleh kerajaan adalah hasil kesanggupannya membentuk pendekatan berdasarkan cadangan baru dari dalam dan luar kerajaan.

Pada 1 Jan 1992, katanya, semua rakyat Malaysia haruslah membuat resolusi untuk menjayakan segala tugas yang dipertanggungjawabkan kepada mereka supaya prestasi tahdn kedua dalam usaha ke arah Wawasan 2020 terus meningkat.

+Marilah kita, semua rakyat daripada semua kaum, berganding bahu dan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk Bangsa Malaysia dan negara Malaysia+, kata Perdana Menteri. -- Bernama

▼31/12/16-15MST

CNS4790

U GO 31-1 2 00090 BC618

BAH

Mahathir 4 (Akhir) Kuala Lumpur (sambungan)

Sementara itu, Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dalam perutusan Tahun Barunya menggesa rakyat Malaysia supaya berazam untuk mengukuhkan lagi kestabilan politik negara ini dengan menyahut cabaran-cabaran Wawasan 2020.

+Kita mesti membuat perubahan-perubahan tertentu untuk menyesuaikan diri dengan era baru dalam tempoh 30 tahun akan datang,+ katanya.

Datuk Seri Dr Ling, yang juga Menteri Pengangkutan, menyifatkan 1991 sebagai tahun yang menyaksikan kestabilan politik dan pertumbuhan ekonomi yang pesat bagi negara ini. -- Bernama

▼31/12/20-21MST